

TARIKH: 15/3/2023  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 8

8

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Rabu 15.03.2023 | Harian Metro

## lokal

**Selayang:** Kesedaran majikan terus mencarum untuk pekerja yang sudah berusia lebih 60 tahun membolehkan keluarga menerima bantuan kewangan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Itu situasi dialami ahli keluarga mendiang Lee Eng Dong berusia 61 tahun yang meninggal dunia akibat kemalangan ketika bertugas sebagai pemandu lori dengan sebuah syarikat pembekal barangan.

Terdahulu, Eng Dong dilaporkan terbabit dalam kemalangan dengan sebuah treler serta sebuah kereta Perodua Myvi ketika membuat penghantaran barang di Kilometer 266.5 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) pada 15 Februari lalu.

Kejadian itu menyebabkan Eng Dong parah di kepala sebelum dikejarkan ke

## Keluarga drebar lori dapat manfaat caruman Perkeso



EDNA menerima bantuan Perkeso disampaikan Sivakumar (dua dari kiri) di kediamannya di Selayang.

Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak.

Eng Dong meninggal dunia selepas 12 hari dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital 27 Februari lalu.

Mendiang meninggalkan

seorang balu yang juga suri rumah, Edna Hipolito Amos berusia 58 bersama empat anak berusia antara 19 hingga 25.

Menteri Sumber Manusia V Sivakumar berkata, pihak

Perkeso berjaya mengesan majikan serta ahli keluarga pencarum terbabit menerusi skuad Perkeso Prihatin yang dimaklumkan kejadian melalui laporan media cetak.

Katanya, semakan mendapati individu tanggungan Eng Dong layak mendapat faedah di bawah Skim Bencana Pekerjaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

"Susulan itu, isteri dan anak berusia bawah 21 tahun layak menerima Faedah Orang Tanggungan (FOT) sebanyak RM3,735 sebulan.

"Edna dan anak bongsu mereka, Lee Zi Young berusia 19 tahun menerima FOT mengikut bahagian masing-masing dengan Edna menerima bayaran FOT seumur hidup manakala Zi

Young sehingga berusia 21 atau menamatkan pengajian peringkat ijazah pertama.

"Keluarga ini juga menerima sekali bayaran Faedah Pengurusan Mayat (FPM) RM2,000," katanya ketika melawat dan menyampaikan faedah Perkeso kepada ahli keluarga mendiang Eng Dong di rumah mereka di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Eksekutif Perkeso Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, Ketua Bahagian Sinergi, Rahmat Ismail, Pengarah Perkeso Kuala Lumpur Asri Ngosman dan majikan Eng Dong, Cherrng Yuan Hwa.

Sivakumar menyeru majikan supaya mencarum untuk pekerja berusia lebih 60 tahun demi perlindungan

mereka dan keluarga jika terjadi musibah.

Menurutnya, di bawah Akta 4, majikan perlu membayar Caruman Jenis Kedua bagi pekerja yang berusia lebih 60 tahun iaitu sebanyak 1.25 peratus daripada gaji bulanan mereka untuk perlindungan Skim Bencana Pekerjaan.

"Bagi tempoh sepanjang tahun lalu, sebanyak 70,948 kemalangan pekerjaan dilaporkan kepada Perkeso dengan 32,440 kes atau 45.7 peratus membabitkan kemalangan jalan raya.

"Dalam tempoh itu, 929 kemalangan maut dilaporkan dengan 651 kes atau 70 peratus membabitkan pekerja dalam perjalanan atau berulang-alik ke tempat kerja," katanya.